

27 JUN 1996  
Mahathir-Prosedur  
KITA IKUT PROSEDUR EIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan mematuhi segala prosedur dan peraturan berhubung Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) sekiranya cara ini boleh menyelesaikan pertikaian perundangan berhubung Akta Kualiti Alam Sekitar (EQA) projek Hidroelektrik Bakun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jika projek itu telah melanggar bidang kuasa tertentu, sama ada bidang kuasa negeri atau pusat, ia boleh diperbetulkan tanpa menimbulkan masalah baru, katanya kepada pemberita sebagai mengulas keputusan Mahkamah Tinggi minggu lepas yang mengisytiharkan perintah Kualiti Alam Sekitar (pindaan) dan EIA projek Bakun tidak sah.

" Kalau (kuasa) negeri tak boleh tetapi pusat boleh, kita akan rujuk kepada kuasa pusat. Apabila kita memberi kuasa kepada negeri, ini bermakna kita bersetuju dengan kuasa negeri. Apa juga keputusan negeri itu, kita sokong.

" Jika sekarang anda perlu berbalik ke kerajaan pusat, maka kita berbalik ke kerajaan pusat...apa yang akan dikatakan oleh kerajaan pusat, menolaknya...pastinya kita akan menerimanya, tetapi kelewatan dalam projek itu merugikan berjuta-juta ringgit setiap hari hanya kerana beberapa formaliti.

"O.K anda mahu kita meluluskannya, kita akan meluluskannya...itu bukan masalahnya. Kalau bukan negeri punya hak ini, federal punya hak, O.K anda bagi tahu kita ...hari ini juga Kabinet boleh buat keputusan," kata beliau.

" Jika EIA tidak betul, saya boleh faham, tetapi hanya prosedur sahaja yang tidak betul. Jika prosedur melambatkan pelaksanaan projek itu, ini akan menyebabkan rakyat menanggung kerugian...ada jalan lain untuk membetulkan prosedur itu," kata beliau.

Tetapi Perdana Menteri menyatakan dengan jelas yang beliau tidak mempertikaikan keputusan mahkamah itu.

" Mahkamah mempunyai hak untuk membuat keputusan. Kita menghormati mahkamah, tetapi mahkamah juga perlu menimbangkan fakta yang lengkap," kata beliau.

Mengulas seruan supaya kerja-kerja pembinaan projek bernilai RM13,600 juta itu dihentikan, beliau berkata projek seperti itu tidak harus dipandang ringan kerana mereka yang membuat seruan itu juga mahukan projek lain yang tidak berkaitan secara langsung dengan pembinaan empangan Bakun seperti landasan penerbangan dan perumahan dihentikan.

" Kerja-kerja empangan itu belum bermula lagi. Jadi bagaimana anda mahu menghentikan sesuatu yang belum bermula lagi," tanya beliau.

" Jika ia hanya berkaitan dengan prosedur, kita boleh membetulkannya, itu mudah. Tetapi pada saya, apa yang semua NGO mahukan ialah menghentikan projek Bakun, tidak kira berapa banyak ia merugikan negara ataupun kesukaran yang dihadapi oleh negara kerananya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mampu mengadakan referendum bagi setiap projek yang dilaksanakan di negara, jika begitu negara tetap mundur dan terus diperas oleh kuasa asing. --BERNAMA

AU PR